

TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT MENTERI KERJA RAYA
DATO' SRI HAJI FADILLAH B HAJI YUSOF
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM JELAJAH DAN KARNIVAL
FTROADPEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA 2016

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinnya jua, kita dapat bersama-sama di Majlis Pelancaran Program Jelajah dan Karnival FTRoadpedia Kementerian Kerja Raya 2016.

2. Pada hari ini, saya amat berbesar hati dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri diRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak untuk sama-sama merasmikan majlis ini. Terima kasih YAB Dato' Seri dan kerajaan Negeri Perak kerana sudi memberikan kerjasama dan sokongan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk menjayakan program ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) Kementerian Kerja Raya (KKR) di dalam merancang dan menganjurkan program yang sangat penting dan bermakna ini. Begitu juga kepada semua Bahagian, Agensi dan Jabatan di bawah KKR yang turut sama berganding bahu menjayakan program ini.

4. Adalah diharapkan agar hari ini akan menjadi detik yang bersejarah sebagai titik permulaan untuk memberikan semula kesegaran pandangan (refreshment outlook)

dan persepsi terhadap peranan dan fungsi Jalan Persekutuan yang dibina dan diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

5. Program Jelajah FTRoadpedia ini juga bertujuan untuk menyerlahkan lagi (highlight) Jalan Persekutuan sebagai jalan utama dan bukannya jalan alternatif sebagaimana dipersepsikan oleh masyarakat apabila terbinanya Lebuhraya terpanjang pertama (PLUS) pada tahun 1980 (E1 dan E2). Sejak dibuka pada tahun 1994, sehingga kini terdapat 31 rangkaian Lebuhraya, diseluruh Semenanjung Malaysia, maka peranan dan fungsi Jalan Persekutuan utama seolah-olah berubah menjadi laluan alternatif walaupun pada hakikatnya rangkaian Jalan Persekutuan inilah sebenarnya jalan utama yang menghubungkan semua negeri, bandar utama sedangkan lebuhraya bertol pula merupakan laluan alternatif kepada pengguna lebuhraya.

6. Usaha Kerajaan Persekutuan menaiktaraf jalan sedia ada dan tidak dikenakan tol adalah langkah berterusan bagi menentukan jalan-jalan persekutuan terus menjadi jalan utama yang dapat memberikan keselesaan dan keselamatan kepada rakyat dan pengguna jalanraya. Polisi yang sama juga dilaksanakan untuk menaik taraf jalan persekutuan di Sabah dan Sarawak.

LATAR BELAKANG

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Secara amnya KKR merupakan Kementerian yang bertanggungjawab dalam hal-hal merancang pembangunan rangkaian Jalan Persekutuan di seluruh Negara serta menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek Jalan Persekutuan dan lain-lain projek di bawah seliaan KKR.

8. Manakala JKR merupakan salah satu daripada agensi di bawah Kementerian Kerja Raya dan agensi teknikal terbesar negara yang bertanggungjawab melaksanakan pembangunan projek di seluruh negara termasuk projek pembinaan dan

penyenggaraan jalan. Slogan JASA KEPADA RAKYAT yang digunakan oleh JKR adalah sejajar dengan fungsi dan tanggungjawab yang dilaksanakan olehnya. Antara peranan JKR ialah menyediakan pembangunan, merancang, mereka bentuk dan membina projek infrastruktur dan kemudahan awam khususnya jalan raya dan bangunan aset kerajaan serta menguruskan kerja operasi dan menyelenggara kemudahan infrastruktur tersebut.

9. Sehingga tahun 2015, JKR telah membina dan menyelenggara sepanjang **19,717.22 kilometer** rangkaian Jalan Persekutuan Utama yang menghubungkan antara bandar dan negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Dalam masa yang sama juga, terdapat lagi projek-projek pembinaan jalan yang sedang dilaksanakan pada masa ini di seluruh negara. Bagi tempoh 2004 hingga 2015, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 8.71 bilion bagi kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh negara.

10. Untuk tahun 2015 sahaja, sejumlah RM 423.1 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyelenggaraan jalan iaitu penyelenggaraan rutin sebanyak RM 300 juta dan kerja-kerja penyelenggaraan berkala ialah sebanyak RM 123.1 juta. Untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan jalan-jalan Persekutuan sebanyak 30 lokasi 'blackspot' telah diperbaiki dengan kos RM 6 juta pada tahun 2015.

11. Kerajaan amat menyedari dan prihatin terhadap aspek keselamatan dan keselesaan pengguna Jalan Persekutuan dan mengharapkan agar pembangunan fasiliti ini dapat memberikan manfaat jangka panjang kepada pengguna.

PENTADBIRAN JALANRAYA MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan sedikit maklumat tentang pentadbiran rangkaian jalan yang terdapat di negara kita. Saya sedar secara umum orang awam menganggap semua jalan yang terdapat di Malaysia adalah dibawah bidangkuasa dan seliaan JKR. Hakikatnya terdapat beberapa pihak yang terlibat

terhadap penyeliaan dan penyelenggaraan rangkaian jalan di negara kita iaitu JKR sendiri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah yang bertanggungjawab kepada jalan kampung, manakala jalan ladang di bawah kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran.

JALAN PERSEKUTUAN (FEDERAL ROAD)

13. Jalan-jalan Persekutuan adalah rangkaian jalan raya utama yang diwartakan di bawah kuasa Menteri Kerja Raya seperti yang diperuntukkan dalam Akta Jalan-Jalan Persekutuan 1959. Ianya merupakan jalan raya utama jarak jauh yang menghubungkan antara ibu negeri, bandar-bandar utama serta jalan-jalan ke pintu masuk utama negara termasuklah jalan masuk pelabuhan serta jalan masuk ke lapangan terbang. Jalan Persekutuan ini diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya melalui peruntukan Kementerian Kerja Raya.

JALAN NEGERI

14. Jalan negeri pula adalah sistem jalan raya bagi setiap negeri di Malaysia yang diselia dan diselenggarakan oleh JKR Negeri melalui pembiayaan Kementerian Kewangan yang menyalurkan terus peruntukan kepada Pejabat Kewangan negeri masing-masing. Secara umumnya piawaian yang digunakan oleh jalan raya negeri adalah sama seperti laluan Persekutuan cuma bezanya ialah laluan negeri dibiayai oleh kerajaan negeri.

15. Seperti jalan raya Persekutuan, jalan raya negeri menggunakan papan tanda berwarna biru dengan tulisan putih dan dikodkan di dalam jata berbentuk heksagon kuning, cuma bezanya ialah jalan raya negeri dikodkan dengan kod negeri mengikut seperti plet pendaftaran kenderaan diikuti dengan kod laluan.

16. Siri penomboran kod laluan bagi jalan persekutuan adalah seperti berikut:

- Siri 1-249: Jalan persekutuan utama
- Siri 250-499: Jalan masuk ke institusi persekutuan (Semenanjung Malaysia)
- Siri 500 (500-599): Jalan persekutuan sekunder (Sabah)
- Siri 600 (600-699): Jalan masuk ke institusi persekutuan (Sabah)
- Siri 700 (700-799 atau L700-L799): Jalan Wilayah Persekutuan Labuan
- Siri 800 (800-899): Jalan persekutuan sekunder (Sarawak)
- Siri 900 (900-999): Jalan masuk ke institusi persekutuan (Sarawak)
- Siri 1000 & 2000 (1000-2999): Jalan masuk ke tanah rancangan Felda.
- Siri 3000 (3000-3999): Jalan industri

ADUAN JALAN KKR

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, KKR sentiasa melakukan penambahbaikan dalam aspek pengurusan jalan termasuk memberi peluang kepada rakyat untuk membuat aduan dan cadangan ke arah penambahbaikan pengurusan sistem jalan raya di negara kita.

18. Salah satu tujuan saya menerangkan dengan agak terperinci tentang siri kod laluan jalan raya sebentar tadi adalah untuk membolehkan orang ramai membuat aduan dan cadangan kepada KKR secara tepat dan betul. Pihak KKR amat mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan untuk memastikan jalan raya kita sentiasa dalam keadaan baik untuk dilalui.

19. Sebarang aduan kerosakan Jalan Persekutuan boleh dibuat melalui saluran berikut:

- i. KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
 - a. (Webpage:<http://www.kkr.gov.my>):
 - b. i-SPAA
 - c. E-mel:pro@kkr.gov.my

- ii. JABATAN KERJA RAYA
 - a. SMS:JKR<aduan anda>32728
 - b. Hotline Tel: 1 800 88 5004
 - c. E-mel:aduan@jkr.gov.my

- iii. LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
 - a. Hotline LLM Tel : 1800 88 7752

20. Sehingga kini kita ada 15 saluran aduan dan yang terkini Kementerian Kerja Raya (KKR) telah membangunkan aplikasi saluran aduan menggunakan telefon pintar sebagai satu usaha inovasi memudahkan pengguna jalanraya menyalurkan aduan iaitu Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR. Aplikasi ini merupakan alternatif kepada saluran aduan sedia ada, namun ia lebih bersifat mesra pelanggan dan holistik.

21. Ini kerana setiap aduan boleh disalurkan melalui telefon pintar pengguna dengan menyertakan foto lokasi aduan selain diintegrasikan dengan fungsi Geographical Information System (GIS), dimana lokasi aduan adalah lebih tepat dan seterusnya memudahkan tindakan susulan diambil pihak KKR.

22. Aplikasi ini boleh didapati secara percuma dengan memuat turun daripada App Store untuk sistem operasi iOS dan Play Store untuk pengguna sistem operasi Android. Terdapat beberapa langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini di mana pengguna hanya perlu menghantar foto dan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi maklumat aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut.

23. Pelancaran Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR ini merupakan pendekatan proaktif KKR dalam memastikan usaha aduan kerosakan infrastruktur jalan raya dapat disalurkan dengan mudah selaras perkembangan teknologi dan peningkatan penggunaan telefon pintar di Malaysia pada masa kini oleh semua demografik masyarakat.

24. Disamping itu, inisiatif ini juga selari dengan misi KKR, iaitu memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi dalam usaha menyediakan kemudahan, keselesaan dan keselamatan kepada pengguna. Aduan Jalan KKR di mana pengadu boleh buat aduan dengan menyertakan gambar beserta kordinat lokasi supaya kita dapat bertindak secepat mungkin.

Hadirin yang dihormati sekalian,

25. Sukacita saya ingin berkongsi maklumat dengan para hadirin sekalian mengenai pelaksanaan aduan jalan melalui Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR ini. Sehingga kini, aplikasi ini telah dimuat turun oleh seramai 5,483 pengguna dengan 5,156 pengguna Android dan 327 pengguna iOS. Berdasarkan rekod bermula daripada tarikh pelancaran pada 26 Mac 2015 sehingga 25 Julai 2016 sebanyak 1,132 aduan diterima melalui aplikasi ini, dan daripada aduan tersebut sebanyak 991 aduan telah diambil tindakan dan dapat diselesaikan, manakala baki 141 aduan masih dalam tindakan.

26. Sebenarnya, semua aduan yang diterima melalui aplikasi mobile ini disalurkan terus kepada semua Jurutera JKR Daerah di seluruh negara bagi memastikan setiap aduan dapat diambil tindakan dengan segera. Untuk makluman juga seramai 75 daripada keseluruhan 78 Jurutera JKR Daerah turut sama berkampung di Manjung ini bagi memberikan sokongan dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan kempen #zeropothole dan Jelajah FTRoadpedia KKR pada hari ini.

27. Aplikasi Mobile Aduan Jalan KKR ini sesungguhnya telah banyak membantu JKR khususnya dalam menangani dan mengambil tindakan segera bagi memastikan jalan-jalan dibawah seliaan JKR sentiasa diselenggara dengan baik.

28. Pihak KKR melihat semua aduan dan cadangan dari sudut pandang positif. Kita sentiasa mengambil makluman, menyiasat dan mengambil tindakan dengan melakukan senggaraan dan baik pulih selaras dengan tanggungjawab hakiki kita seiring slogan

'Jasa Kepada Rakyat'. Apa yang penting adalah keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

RAKAN KKR

Hadirin yang dihormati sekalian,

29. Sebagai langkah proaktif bagi mendapatkan maklumbalas, mengumpulkan pendapat pengguna dan orang awam untuk bersama-sama membantu menyalurkan maklumat, pihak KKR telah menubuhkan RakanKKR yang diwujudkan melalui Media Sosial Rasmi KKR. Alhamdulillah, setakat ini sambutan dan idea yang disumbangkan melalui rakan KKR amat baik dan mampu meningkatkan lagi usaha penambahbaikan perkhidmatan kita. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada RakanKKR yang turut sama hadir dalam majlis kita pada hari ini.

PERLAKSANAAN PROGRAM JELAJAH DAN KARNIVAL FTROADPEDIA KKR 2016.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kembali kepada program Jelajah Dan Karnival Ftroadpedia KKR 2016.

30. Program ini InsyaAllah akan dilaksanakan di tiga Zon (3) bertempat di zon Selatan - melibatkan laluan Jalan Persekutuan di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, Zon Tengah di Selangor, Hilir Perak dan Perak Tengah dan Zon Timur di melibatkan jajaran laluan di Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Saya berdoa perancangan ini akan berjaya, namun jika ianya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini kerana kekangan masa saya berharap ia akan diteruskan pada tahun depan.

31. Sepanjang berkonvoi berkenderaan sepanjang laluan tadi, saya bersama rombongan yang turut disertai oleh KSU, TKSU, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di

bawah KKR, pegawai-pegawai kanan KKR juga pengamal media telah pun meninjau aktiviti tugas JKR / Syarikat konsesi, dan mendapati banyak tempat menarik sepanjang laluan seperti tempat rekreasi, tempat makan, penginapan, tempat bersejarah, rumah ibadat dan lain-lain. Saya bersama peserta konvoi Jelajah FTRoadpedia telah diberikan taklimat mengenai Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat : Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 (Tanjung Karang-Hutan Melintang, Selangor) Dan (Teluk Intan-Kg. Lekir, Perak).

32. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 adalah sebahagian daripada jajaran projek Lebuhraya Pantai Barat (WCE) melibatkan dua negeri iaitu Selangor dan Perak. Terdapat 3 projek menaik taraf jalan sedang dilaksanakan di sepanjang laluan FR5 iaitu Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Tanjung Karang ke Sabak Bernam, Selangor sepanjang 45km, Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Sabak Bernam, Selangor ke Hutan Melintang, Perak sepanjang 5km dan Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 sepanjang 31.5 kilometer daripada Teluk Intan, Perak hingga ke Kg. Lekir, Perak yang melibatkan tiga daerah iaitu Hilir Perak, Manjung dan Perak Tengah. Kerja-kerja menaiktaraf jalan ini adalah daripada 2 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala.

33. Bagi Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Sabak Bernam ke Hutan Melintang sepanjang 5km, kos kontrak yang telah diluluskan adalah RM164.2 juta melibatkan tempoh pembinaan selama 24 bulan bermula dari 27 Julai 2015 sehingga 26 Julai 2017. Antara skop kerja projek ini adalah membina semula Jambatan Gertak Tinggi serta menaik taraf jalan mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 5km. Prestasi pelaksanaan projek ini pada masa ini adalah 26.5% berbanding jadual sebanyak 33.2%.

34. Manakala bagi Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Tanjung Karang ke Sabak Bernam sepanjang 45km, kos kontrak yang telah diluluskan adalah RM709 juta dan tempoh pembinaan adalah selama 48 bulan bermula dari 21 Mac 2016 sehingga 20 Mac 2020. Antara skop kerja projek ini adalah pembinaan beberapa pusingan-U,

jejantas pejalan kaki berserta motosikal di lokasi berdekatan dengan masjid atau sekolah dan pembinaan persimpangan bertingkat di beberapa persimpangan seperti di Persimpangan Pekan Sungai Besar.

35. Bagi Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 daripada Teluk Intan hingga ke Kg. Lekir, Perak pula kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM655.6 juta dan kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada 15 September 2016 yang mengambil masa 4 tahun, dijangka siap pada 14 September 2019. Di dalam skop projek ini juga, terdapat 4 jambatan yang dinaiktaraf iaitu Jambatan Sungai Dedap, Jambatan Sungai Renggam, Jambatan Sungai Kayan dan Jambatan Parit Hindu. Selain itu, 4 persimpangan bertingkat akan dibina iaitu Persimpangan FT5/A18, Persimpangan Kg. Kayan, Persimpangan Kg. Dedap, Persimpangan Kg. Rubana. Di samping itu, 7 persimpangan u-turn dan 6 jejantas pejalan kaki turut dibina bagi memudahkan masyarakat tempatan untuk menggunakan lebuh raya ini. Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan di tapak telah dilaksanakan sebanyak 9% berbanding jadual sebanyak 4%.

36. Sesungguhnya kerja-kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 adalah untuk mengelakkan kesesakan trafik dan kelancaran perjalanan bagi memberikan keselesaan berterusan untuk pengguna jalan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

37. Pihak media yang turut bersama kita berkonvoi telah membuat rakaman lokasi-lokasi menarik bagi tujuan dokumentasi seterusnya untuk dipromosikan melalui media cetak, elektronik dan media sosial untuk memberikan informasi tentang kemudahan yang disediakan sepanjang perjalanan di samping lokasi yang mampu memberi keselesaan kepada pengguna laluan Jalan Persekutuan ini. Sebagai kemuncak program kita sekarang bersama-sama berada di tapak karnival FT Roadpedia serta pameran yang mana terdapat gerai pameran yang banyak memberikan informasi khususnya mengenai Jalan Persekutuan yang pastinya akan menambahkan pengetahuan tuan-tuan.

IMPAK PROGRAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

38. Sebenarnya selepas melaksanakan program Jelajah FTRoadpedia ini, pihak KKR akan menghasilkan produk utama pasca program iaitu bahan promosi seperti video klip, dokumentari TV, Footage dan Photobook yang mengandungi informasi dan promosi laluan Jalan Persekutuan ini.

39. Produk-produk ini akan disebarakan melalui pelbagai saluran media dan KKR berharap ianya akan dapat akan membentuk persepsi rakyat seterusnya meningkatkan kesedaran (awareness) tentang kewujudan dan kepentingan Jalan Persekutuan sebagai jalan utama menghubungkan bandar-bandar dan negeri di Semenanjung Malaysia khususnya kepada Gen Y yang kurang mempunyai maklumat tentang Jalan Persekutuan apabila Lebuhraya mula dibina pada tahun 1980.

40. Program ini juga dijangka menjadi induksi atau pendekatan ke arah menggalakkan rakyat menggunakan Jalan Persekutuan dengan menyebarkan maklumat tentang pelbagai kemudahan dan tempat-tempat menarik yang ada di sepanjang laluan. Ianya sudah pasti memberikan persepsi positif kepada rakyat tentang keprihatinan dan usaha kerajaan menyediakan infrastruktur yang berkualiti dan bertaraf tinggi untuk kemudahan rakyat tanpa pertambahan kos.

41. Salah satu aspek yang tidak kurang pentingnya ialah program ini dapat membantu meningkatkan industri pelancongan dan ekonomi setempat di sepanjang jalan Persekutuan yang semakin dilupakan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

42. Saya suka untuk menyimpulkan di sini, bahawa perjalanan melalui Jalan Persekutuan adalah suatu nikmat kembara budaya dan gaya hidup kita, rakyat

Malaysia yang penuh warna warni, kepelbagaian budaya dan cara hidup yang beragam. Menikmati perjalanan bukan sekadar suatu pergerakan kenderaan dari satu titik ke titik yang lain semata-mata, namun kembara mengenali budaya kehidupan penuh nikmat dan keseronokan. Singgah dengan kudapan pulut tanak ikan masin di Sekinchan, menikmati landskap panorama alam, sawah, ladang, bukit bukau, gunung, sungai dan hutan. Tengah hari di Kg Sarang Tiong disaji dengan hidangan eksotik (telur ikan baung asam tempoyak dan ulam pegaga), makanan tradisi yang lazat dan berkhasiat dan seterusnya merafak kesyukuran ke hadrat Ilahi di rumahNya di masjid Taqiuddin, Kg Permatang Guntung, Teluk Intan.

43. Inilah FTRoadpedia, *the wholesome experience of Malaysian living – different FTroutes will offers a lifetime experience about foods, lifestyle and wonderful natural scenery.*

Hadirin yang dihormati sekalian,

44. Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri diRaja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Besar Perak untuk sama-sama merasmikan majlis ini. Terima kasih YAB Dato' Seri dan kerajaan Negeri Perak kerana sudi memberikan kerjasama dan bantuan kepada KKR menjayakan program ini dan seterusnya membuka peluang kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang. Kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini juga sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalmualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.